

4,000 penuntut UTHM sertai Kelab TaHa@U

Oleh Umi Nadirah Abdul Rahman
uminadirah@bharian.com.my

BATU PAHAT: Karnival TaHa@U anjuran bersama Tabung Haji (TH) dan Berita Harian (BH) di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) di Batu Pahat, Johor, baru-baru ini berjaya menarik minat 4,000 pelajar Islam kampus terbabit menyertai kelab berkenaan.

Penyertaan kumpulan pertama pelajar di kampus berkenaan memberi khabar gembira kepada Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin, yang berhasrat mensasarkan penyertaan keseluruhan sejumlah 12,000 pelajar Islam di pusat pengajian itu.

Dalam ucapannya, Prof Mohd Noh berkata, penganjuran karnival berkenaan menepati hasrat universiti dalam menggalakkan pelajar Islamnya mempunyai akaun Tabung Haji.

"Penyertaan pelajar dalam kelab ini bukan saja mampu memberikan kesedaran kepada mereka terhadap kewajipan menunaikan zakat pendapatan selain membangkitkan keinginan mereka untuk menunaikan ibadat haji pada usia muda," katanya.

Karnival berkenaan yang diadakan bersama Majlis Memperkasakan Zakat itu dirasmikan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk

Saifuddin Abdullah.

Tetamu lain yang turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pelanggan TH, Mohammad Saimi Mat Som; Ketua Penolong Pengarah Zakat, Baitulmal dan Wakaf Majlis Agama Islam Johor (MAIJ), Sahibul Fadhilah Syeikh Ahmad Faisal Mohamad; Pengarah Pusat Islam UTHM, Prof Dr Syed Muhammad Dawilah Al-Edrus dan Pengarang Pendidikan BH, Muhd Yusuf Abu Bakar.

Program itu turut mendapat tajaan hamper daripada Produk Optima Sdn Bhd, anak syarikat Adabi Consumer Sdn Bhd selain gerai pameran dan jualan produk halal, kaunter Tabung Haji, BH dan MAIJ serta persembahan fesyen Muslimah daripada Zarina Ayu Collections.

Sementara itu, Saifuddin berkata,

usaha murni antara TH dengan BH berkenaan mampu mencetuskan budaya suka menabung dalam kalangan penuntut universiti serta menerbitkan keinginan menunaikan haji pada usia muda, sekali gus menangkis anggapan mereka haji hanya ditunaikan pada usia pertengahan.

"Pelajar seharusnya menanamkan tekad di dalam diri mereka untuk menabung sejak usia muda lagi

dan saya berpendapat program yang diadakan secara tidak langsung menggalakkan anak muda menunaikan haji pada masa akan datang," katanya.

Pada majlis itu, tiga fakulti di universiti terbabit diumumkan sebagai kumpulan yang mempunyai potongan zakat pendapatan tertinggi iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik dengan jumlah potongan RM103,961.28 setahun;

Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (RM98,295.96 setahun) dan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (RM81,980.40 setahun).

Selain itu, pihak MAIJ juga berbesar hati menyampaikan bantuan zakat kepada tujuh individu layak termasuk bantuan sara diri dan rawatan dialisis bulanan berjumlah RM5,870 selain bantuan pembelian kaki palsu berjumlah RM8,000 dan bantuan rumah dua bilik bernilai RM32,230.



GERAI tulisan khat di Karnival TaHa@U.



SAIFUDDIN (tengah) menurunkan tandatangan pada baju T bersempena dengan Karnival TaHa@U sambil diperhatikan Prof Mohd Noh (kiri) dan Muhd Yusuf Abu Bakar (lima dari kanan), di UTHM Batu Pahat, baru-baru ini.